

AL-LAQĪT*: HAK-HAK ANAK PUNGUT DI BAWAH UNDANG-UNDANG ISLAM DAN UNDANG- UNDANG SIVIL DI MALAYSIA

***Al-Laqīṭ*: The Rights of the Foundlings under Islamic and Civil Law in Malaysia**

Zanariah Noor ¹

ABSTRACT

The basis of the discussion in this article is the protection of the abandoned children or foundlings (al-laqīṭ) that covered aspects namely custody, maintenance as well as self-identity. The discussion of foundling's identity is related to his/her status as a free person (not slave), religion and lineage are based on Islamic principle that had been examined by distinctive jurists from different school of jurisprudences. This study utilized document analysis approach, scrutinizing Islamic jurists' views as well as Malaysian law provisions on these issues. In Malaysia, aspects of custody, maintenance, and identity of the foundlings are handled differently from Islamic law pertaining to these issues, because

* Artikel ini adalah berasaskan kepada kertas kerja yang dibentangkan di *Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam dan Ilmu Wahyu 2018* yang dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (27-28 November 2018) dengan pindaan serta tambahan yang bersesuaian.

¹ Senior Lecturer, Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, zanariah@fsk.upsi.edu.my

matters related to the foundlings are under civil law jurisdiction, for instance, Child Act 2001 and Registration of Births and Deaths Act 1957, and the first institution that deals with the foundlings is the Department of Social Welfare. The law provisions under Acts/Enactments of Islamic Family Law in Malaysia in relation to the foundlings are only relevant when the foundlings are adopted by the Muslim adoptive parents.

Keywords: *foundlings, custody, maintenance, self-identity, Islamic Law, Civil Law*

PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai *al-laqīṭ* atau anak pungut di Malaysia lazimnya dikaitkan dengan gejala pembuangan anak yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan. Stigma melahirkan anak luar nikah khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu beragama Islam adalah amat kuat sehingga mereka yang terjebak dalam isu ini, sama ada ibu, atau bapa biologi, dan termasuk juga ahli keluarga yang adakalanya terlibat dalam usaha membuang anak ini bagi menutup aib yang dilakukan oleh anggota keluarga mereka. Bagi golongan ini, air muka atau maruah diri di hadapan orang ramai adalah sesuatu yang lebih penting mengatasi kebajikan atau perlindungan yang sepatutnya diberi kepada bayi yang baru dilahirkan.²

Bagi mencegah berlakunya pembuangan anak ini, Islam mengharamkan pembuangan anak, kerana tindakan tersebut mendatangkan mudarat kepada anak berkenaan. Bentuk hukuman yang dikenakan bagi mereka yang melakukan kesalahan tersebut adalah tergolong dalam kesalahan takzir yang mana pihak pemerintah berhak untuk menentukan bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pesalah berkenaan apabila mereka berjaya ditangkap dan disabitkan dengan kesalahan. Bagi mereka yang tidak ditangkap kerana ketiadaan bukti atau saksi, walaupun mereka terselamat dari hukuman di dunia, namun mereka tidak akan terlepas dari hukuman bagi dosa yang mereka lakukan di akhirat kelak.

Islam memberi garis panduan bagaimana masyarakat Islam, khususnya pihak pemerintah perlu lakukan bagi menjaga dan memberi perlindungan terhadap *al-laqīṭ* atau anak pungut ini. Bentuk perlindungan ini, ada yang

² Berhanundin Abdullah, 'Pembuangan Bayi Penyebab Wujudnya Anak Pungut: Hukum dan Penyelesaiannya,' *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 4/1 (2014):166-169.

berbentuk jagaan fizikal bagi memastikan kesinambungan kehidupan dengan adanya ketetapan berkaitan dengan *ḥaḍānah* dan nafkah serta aspek kewangan lain yang melibatkan keperluan asasi kanak-kanak termasuk kos rawatan dan pendidikan perkembangan diri sebagai persediaan ke arah kehidupan berdikari. Selain itu, perlindungan berbentuk identiti diri seperti ketetapan agama, status kemerdekaan dan nasab juga turut diberikan kepada *al-laḳīṭ*.

Di Malaysia, perlindungan undang-undang terhadap *al-laḳīṭ* ini terkandung dalam beberapa enakmen dan akta yang menangani aspek yang berbeza tentang kanak-kanak ini. Dari segi identiti diri, iaitu hak seseorang terhadap nama dan kewarganegaraan ianya termasuk dalam undang-undang sivil. Dari segi status kesahatarafan *al-laḳīṭ* dari segi nasab, perbincangan terkandung dalam fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Peruntukan undang-undang yang khusus mengenai *al-laḳīṭ* tiada dalam Akta/Enakmen Undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Peruntukan berkenaan dengan *al-laḳīṭ* dalam Akta/Enakmen Undang-undang keluarga Islam hanya berkaitan sekiranya *al-laḳīṭ* tersebut diambil menjadi anak angkat kepada ibu bapa angkat yang beragama Islam.

KONSEP AL-LAQĪṬ

Kanak-kanak yang terbuang dan dijumpai lazim dirujuk sebagai *al-laḳīṭ* atau *manbudh* (anak yang dibuang) dalam Bahasa Arab yang bermaksud kanak-kanak yang dijumpai terbuang (*manbudh*) di jalanan tanpa diketahui ibu bapanya.³ Kanak-kanak tersebut dirujuk sebagai *al-laḳīṭ* atau anak pungut atas pertimbangan dia adalah seorang anak yang dijumpai dan dipungut, dan disebut sebagai anak terbuang (*manbudh*) atas pertimbangan dia terdampar ketika dibuang di tengah jalan.⁴ *Al-Laḳīṭ* juga dirujuk sebagai kanak-kanak yang dibuang dan tidak diketahui siapa ibu bapanya, dan dibuang kerana kemungkinan takut untuk melaksanakan tanggungjawab atau takut dihina atau untuk melarikan diri dari tohmahan zina.⁵ Termasuk dalam kategori *al-laḳīṭ*

³ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 8 (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2003), 111.

⁴ Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh Imam Syaḳfi ‘i*, vol. 2, terj. Muhammad Afifi, Abdul Hafiz, Arif Fahrudin & Solihin (Jakarta Timur: Penerbit Almahira, 2010), 415.

⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1997), 4851; Muḥammad Amin Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, vol. 6, taḥḳīq: ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mi‘awwad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 423.

juga adalah mereka yang gila, dan tiada pihak yang menanggungnya kerana orang yang begini memerlukan kos rawatan.⁶

Akta Kanak-kanak 2001 mendefinisikan kanak-kanak yang dibuang sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan selepas dibuang oleh ibu bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah didapati bahawa ibu atau bapa atau penjaganya itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai yang sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu.⁷ Kanak-kanak yang dimaksudkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001, ialah seseorang yang berusia di bawah 18 tahun.⁸

Al-Laḳīṭ secara umumnya dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Pertama, *al-laḳīṭ* yang terdampar terpisah dari keluarga disebabkan bencana alam seperti tsunami, banjir, taufan, gempa bumi, ataupun disebabkan berlakunya musibah seperti kebakaran, kemalangan dan lain-lain. Kemungkinan *al-laḳīṭ* ini adalah anak sah taraf. Namun, disebabkan situasi yang berlaku menyebabkan tiada keluarga yang tampil mengaku kanak-kanak berkenaan dan kanak-kanak tersebut terdampar dan terbuang di jalanan, maka dia dianggap sebagai kanak-kanak yang tidak diketahui asal keturunannya. Kedua, *al-laḳīṭ* yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan yang dibuang bagi mengelakkan rasa malu. Ketiga, kemungkinan kanak-kanak yang dibuang itu adalah anak hasil rogol yang dibuang oleh keluarga, dan tidak diketahui nasabnya apabila dijumpai oleh orang lain.⁹ Kesemuanya kategori ini pengakhirannya ialah anak pungut (*al-laḳīṭ*) itu tidak diketahui asal-usulnya, kemungkinan dia adalah anak sah taraf, dan mungkin juga anak tak sah taraf. Namun, mereka tidak dapat disabitkan nasab kepada mana-mana pihak kerana asal usul keluarga tidak diketahui.

PERLINDUNGAN TERHADAP *AL-LAQĪṬ*

Perlindungan terhadap *al-laḳīṭ* dalam Islam adalah berasaskan kepada prinsip perlindungan terhadap nyawa manusia. Secara umumnya, ulama bersetuju bahawa hukum menyelamatkan nyawa *al-laḳīṭ* dengan meletakkannya di

⁶ Abi Zakaria Al-Ansari, *Fath al-Wahhab Syarh Minhaj al-Tullab*, vol. 1, terj. MA Zuhurul Fuqohah (Johor Bahru: Penerbit JAHABERSA, 2014), 987-988.

⁷ Akta Kanak-kanak 2001, s. 17 (e) (ii).

⁸ Akta Kanak-kanak 2001, s. 2.

⁹ Mohd Alimin Alias, 'Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan (*al-Laḳīṭ*) Menurut Undang-undang Islam dan Masyarakat Islam di Malaysia' (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 68-69.

bawah perlindungan dan pengawasan hukumnya adalah fardu kifayah bagi masyarakat Islam, dan menjadi fardu ‘ain ke atas pihak yang menjumpainya untuk segera mengambilnya bagi mengelakkan ancaman terhadap nyawa dan keselamatan dirinya apabila terdedah dan terbiar di jalanan dan sebagainya.¹⁰ Asalkan terdapat seorang yang melaksanakan tugas memberi perlindungan kepada *al-laqīṭ*, anggota masyarakat Islam lain terselamat dari tanggungan dosa.¹¹

Al-Laqīṭ berhak mendapat perlindungan dan menjadi kewajipan orang yang menjumpai tersebut menolongnya berasaskan kepada prinsip dalam Islam yang menyuruh orang Islam saling tolong menolong, sebagaimana yang dinaskan dalam al-Quran:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 2)

Berbuat baik yang dimaksudkan adalah ditujukan kepada semua perkara baik yang diredai oleh Allah SWT, dan perkara ini termasuk perbuatan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang terbuang. Oleh itu, tindakan segera yang wajib dilakukan oleh orang yang menjumpainya adalah dengan cara memberi kanak-kanak tersebut makan jika dia berada dalam kelaparan atau menyelamatkannya dari mati lemas. Perbuatan tersebut adalah termasuk di dalam tuntutan fardu kifayah.¹²

Kanak-kanak yang terbuang, yang lemah tidak mampu melindungi diri sendiri terdedah kepada pelbagai ancaman yang boleh menyebabkan kematian, kecederaan dan sebagainya. Oleh itu, apa-apa perbuatan yang termasuk dalam kategori menyelamatkan mereka dari mudarat adalah tergolong dalam perbuatan menyelamatkan nyawa mereka, sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran:

¹⁰ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4851-4852; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 423.

¹¹ Muwaffaq al-Dīn ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8 (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 68.

¹² Muḥammad bin Aḥmad al-Ṣāliḥ, *al-Ṭifl fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah* (al-Qāhirah: Maṭba‘ah Nahḍah, 1990), 115; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 68; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 423.

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

“...dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seseorang manusia, seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 32)

Islam menggalakkan orang Islam membantu menyara orang yang dalam keadaan lemah, dalam konteks perbincangan ini *al-laqīṭ* yang masih kecil dan tidak dapat menjaga diri sendiri. Masyarakat Islam digalakkan agar berbuat baik dengan *al-laqīṭ*. Ini boleh dirujuk di dalam al-Quran:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“dan berbuatlah kebaikan mudah-mudahan kamu berjaya.”

(Surah al-Hajj, 22: 77)

Bagi mengawal gejala pembuangan bayi atau anak ini, undang-undang di Malaysia meletakkan perbuatan tersebut sebagai suatu kesalahan, dan jika melibatkan kematian anak berkenaan disebabkan pembuangan tersebut, ibu atau bapa atau pihak yang melakukannya boleh didakwa dan dikenakan hukuman di atas kesalahan membunuh atau mematikan orang dengan salah. Di bawah Kanun Keseksaan diperuntukkan mana-mana ibu atau bapa kepada kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun atau mana-mana orang yang mempunyai hak jagaan kanak-kanak berkenaan mendedahkan atau meninggalkan kanak-kanak di mana-mana tempat dengan niat membuang (meninggalkan) terus kanak-kanak tersebut, boleh jika sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama tidak melebihi tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.¹³ Pelaku juga boleh dituduh atas pertuduhan membunuh dengan niat atau homisid salah sekiranya kanak-kanak itu mati dengan sebab perbuatannya membuang kanak-kanak tersebut.¹⁴

Akta Kanak-kanak 2001 pula memperuntukkan mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak, dan jika dia didapati mendera, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak dengan cara yang boleh menyebabkan kanak-kanak berkenaan mengalami mudarat sama ada secara fizikal atau emosi, atau menyebabkan atau membenarkan kanak-kanak berkenaan didera, diabaikan, dibuang atau didedahkan telah melakukan kesalahan, dan jika disabitkan

¹³ Kanun Keseksaan, s. 317.

¹⁴ Mohd Fuzi Harun & Roseli Ahmad, *Intisari Kanun Keseksaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 155.

boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.¹⁵

Antara bentuk pencegahan awal bagi mengelakkan ibu atau bapa membuang anak yang dilahirkan disebabkan bimbang berhadapan dengan stigma masyarakat yang memandang serong terhadap mereka yang melahirkan anak luar nikah, Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan bahawa gadis bawah umur yang mengandung diberi perlindungan di rumah perlindungan.¹⁶ Pemantauan ke atas gadis-gadis tersebut diharapkan akan dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung mereka, dan anak yang dilahirkan akan dapat dilindungi dari risiko dibuang. Walaupun, secara zahirnya kelihatan peruntukan ini seolah-olah menggalakkan hubungan luar nikah, namun perlindungan kepada ibu mengandung di luar nikah perlu dilakukan. Perlindungan ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan kepada ibu itu sendiri yang menghadapi kesukaran, bahkan juga dapat mengelakkan anak luar nikah yang dilahirkan dibuang begitu sahaja.¹⁷

Mahkamah bagi kanak-kanak (*Court for Children*), bagi melindungi kepentingan kanak-kanak terbuang boleh membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak tersebut dalam jagaan seseorang yang layak dan sesuai.¹⁸ Tempoh pemeliharaan di bawah ibu atau bapa peliharaan itu adalah selama dua tahun atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek, dan sementara menantikan itu, meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat.¹⁹ Tempat selamat yang dimaksudkan ialah institusi tempat perlindungan kanak-kanak sehingga adanya ruang bagi menempatkan kanak-kanak berkenaan di bawah jagaan ibu bapa peliharaan.²⁰

Jika dalam tempoh kanak-kanak tersebut berada di bawah pemeliharaan ibu bapa peliharaan, ibu bapa atau penjaganya tidak menuntut kanak-kanak itu atau tidak muncul, Mahkamah Bagi Kanak-kanak boleh membuat suatu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk diangkat oleh ibu bapa peliharaan itu atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengambil kanak-kanak itu sebagai anak angkat.²¹ Pertimbangan utama keputusan bagi menyerahkan kanak-kanak

¹⁵ Akta Kanak-kanak 2001, s. 31 (1) (a).

¹⁶ Akta Kanak-kanak 2001, s. 42 (2) (d).

¹⁷ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia: A Comparative Overview with Islamic Law* (Batu Caves: International Law Book Services, 2009), 29-30.

¹⁸ Akta Kanak-kanak 2001, s. 30 (1) (b).

¹⁹ Akta Kanak-kanak 2001, s. 30 (1) (e).

²⁰ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 37.

²¹ Akta Kanak-kanak 2001, s. 30 (4).

berkenaan sebagai anak angkat kepada mana-mana pihak adalah berasaskan kepada prinsip kebajikan kanak-kanak.²²

Islam amat menggalakkan agar masyarakat Islam mengambil *al-laqīṭ* sebagai anak angkat sebagai salah satu bentuk amalan baik yang mendatangkan pahala. Ibu bapa angkat dapat memberi perlindungan kepada *al-laqīṭ* dari segi fizikal dan spiritual. Namun, konsep anak angkat di bawah undang-undang Islam adalah tidak sama dengan undang-undang sivil.

Pengangkatan anak di bawah undang-undang Islam tidak mengiktiraf hubungan nasab di antara *al-laqīṭ* dengan ibu bapa angkat. *Al-Laqīṭ* tidak boleh di'bin' atau di'binti'kan kepada bapa angkat. Walaupun, hubungan antara ibu bapa angkat boleh menjadi ibu bapa susuan kepada *al-laqīṭ* apabila *al-laqīṭ* yang belum mencukupi umur dua tahun menyusu dengan ibu angkat mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam *al-raḍā'ah* (penyusuan), namun anak berkenaan tetap kekal sebagai anak yang tidak boleh dinasabkan kepada ibu bapa angkat (ibu bapa susuan) tersebut. Perubahan yang berlaku hanyalah melibatkan hubungan mahram antara anak berkenaan dengan ibu bapa susuan serta ahli keluarga mereka, dan tidak melibatkan hak nasab, perwalian perkahwinan dan pewarisan.

HAK ḤAḌĀNAH BAGI AL-LAQĪṬ

Keperluan utama peringkat awal bagi *al-laqīṭ* adalah jagaan diri bagi menyelamatkan nyawa dan keselamatan diri dari terdedah kepada mudarat. Jagaan diri atau disebut juga sebagai *ḥaḍānah* adalah antara bentuk hak yang perlu diberikan kepada *al-laqīṭ*. Dalam Islam keutamaan *ḥaḍānah al-laqīṭ* diberikan kepada *al-multaqīṭ*, iaitu orang yang menjumpainya.

Tiada dalil dalam al-Quran dan hadis yang menunjukkan pihak manakah yang lebih layak dan utama mendapat hak *ḥaḍānah al-laqīṭ*. Walau bagaimanapun, perbincangan ketetapan hukum pemeliharaan *al-laqīṭ* adalah berdasarkan kepada *athār* sahabat. Abū Jamīlah Sunayn melaporkan bahawa dia menjumpai seorang anak yang dibalut dengan selimut dan dia membawanya berjumpa dengan 'Umar al-Khaṭṭāb RA. Apabila 'Umar al-Khaṭṭāb RA melihat Abū Jamīlah mengendong anak berkenaan, dia menuduh Abū Jamīlah cuba menolak hubungan nasabnya dengan anak tersebut. Walau bagaimanapun, ketua bagi kaumnya menghampiri 'Umar dan memberitahunya bahawa Abū Jamīlah adalah seorang lelaki yang soleh. 'Umar kemudiannya mengatakan bahawa anak tersebut adalah merdeka, dan dia (Abū Jamīlah) bertanggungjawab

²² Akta Kanak-kanak 2001, s. 30 (5).

ke atas perwalian anak berkenaan (*al-walā'*), dan tanggungan nafkah dan penyusuan anak berkenaan adalah tanggungan pemerintah.²³

Berasaskan kepada *athār* ini fuqaha berpendapat bahawa pihak yang paling utama berhak mendapat *ḥaḍānah al-laḳīṭ* adalah orang yang memungutnya.²⁴ *Athār* di atas juga menunjukkan bahawa seseorang yang memungut *al-laḳīṭ* perlu membawa anak berkenaan berjumpa pihak pemerintah agar jelas mengenai kedudukan perkaranya dari segi peraturan serta prosedur yang perlu dilalui, serta jelas pihak mana yang boleh memeliharanya dan pihak mana yang bertanggungjawab menanggung nafkahnya berdasarkan keputusan yang dibuat oleh pihak pemerintah. *Athār* ini juga menjadi dalil bahawa pihak yang menjumpai *al-laḳīṭ* adalah orang yang paling berhak mendapat hak *ḥaḍānah* berbanding pihak lain kerana dia adalah orang yang pertama menjumpai kanak-kanak tersebut, dan dia berperanan sebagai penjaga kepada kanak-kanak tersebut.

Bagi memastikan urusan membabitkan *al-laḳīṭ* jelas dan tiada pertikaian di kemudian hari, *al-multaḳiṭ* disunatkan mempersaksikan penemuan *al-laḳīṭ* serta harta yang ditemui di sisinya.²⁵ Bagi ulama mazhab Shāfi'ī sebaliknya berpendapat, wajib mempersaksikan penemuan *al-laḳīṭ*. Ini adalah bagi menjaga status kemerdekaannya serta status nasabnya, walaupun *al-multaḳiṭ* secara zahirnya adalah seorang yang adil. Begitu juga, perlu dipersaksikan harta atau barang yang dijumpai bersama-sama dengan *al-laḳīṭ*, agar harta berkenaan tidak diambil oleh *al-multaḳiṭ*.²⁶ Sekiranya *al-multaḳiṭ* tidak mempersaksikan penemuan dan pengambilan *al-laḳīṭ*, tidak sabit hak *ḥaḍānah* bagi *al-multaḳiṭ*, dan diharuskan anak berkenaan dirampas darinya. Kewajipan mempersaksikan ini hanya bagi kes yang melibatkan *al-multaḳiṭ* sendiri yang ingin menjaganya. Sebaliknya, bagi kes yang melibatkan *al-laḳīṭ* diserahkan oleh seseorang yang menjumpainya kepada pihak pemerintah untuk menguruskan anak berkenaan, kesaksian dalam kes sebegini hanya disunatkan.²⁷

Al-Ṣāliḥ berpendapat syarat bagi *al-multaḳiṭ* mendapat hak *ḥaḍānah al-laḳīṭ* ialah dia mestilah beragama Islam, baligh, berakal, cerdik (*rushd*), merdeka, amanah berkemampuan menjaga dan mendidik anak berkenaan.

²³ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 68.

²⁴ Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4 (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1999), 224-225.

²⁵ Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4, 223.

²⁶ Al-Ansari, *Fath al-Wahhab Syarh Minhaj al-Tullab*, vol. 1, 987.

²⁷ Sulayman bin Muḥammad bin 'Umar al-Bujayrimī, *Ḥashiyah al-Bujayrimī 'alā Sharḥ Minhāj al-Ṭullab*, vol. 3, taḥqīq: 'Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad 'Umar (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011), 258.

Disyaratkan *al-multaqit* seorang yang adil bagi menjaga anak berkenaan kerana orang fasik dianggap sebagai jahat dan kesaksiannya tertolak, tidak amanah dengan diri dan harta dan mempunyai kedudukan yang rendah pada pandangan Allah SWT dan masyarakat. Begitu juga disyaratkan *al-multaqit* yang ingin menjaga *al-laqit* berkenaan bermukim sama ada di bandar atau kampung, kerana pemukiman adalah lebih baik bagi *al-laqit* sama ada bagi masa berkenaan atau akan datang bagi memudahkan urusan mengenalpasti keturunannya.²⁸

Al-Māwardī berpendapat, jika *al-multaqit* adalah seseorang yang tidak adil dan tidak dapat dipercayai dan wujud kerisauan dia boleh menjadikan *al-laqit* sebagai hamba, hakim wajib merampas anak berkenaan darinya, dan melantik orang lain untuk menjaga diri dan hartanya. Sebaliknya, jika *al-multaqit* tidak amanah terhadap harta *al-laqit*, contohnya wujudnya kerisauan dia akan mengambil harta *al-laqit*, *al-laqit* itu dikekalkan dalam jagaannya, tetapi harta *al-laqit* diambil oleh pemerintah bagi menjaga harta berkenaan.²⁹

Bagi mazhab Hanafī, sekiranya terdapat pertikaian antara seseorang yang beragama Islam dan bukan beragama Islam terhadap *al-laqit*, keutamaan diberikan kepada pihak yang beragama Islam. Ini kerana orang Islam mengetahui tentang hukum-hakam Islam dan anak itu juga dihukumkan sebagai beragama Islam, dan penyerahan anak kepada pihak beragama Islam ini dianggap lebih mendatangkan manfaat kepada *al-laqit*. Jika pertikaian melibatkan pihak-pihak yang setaraf, maksudnya antara pihak-pihak beragama Islam atau antara pihak-pihak yang sama-sama bukan beragama Islam, ketentuan penyerahan anak berkenaan terserah kepada hakim atau pihak pemerintah.³⁰ Dalam hal ini, pertimbangannya adalah berasaskan kepada kebajikan anak berkenaan, iaitu ketetapan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada kehidupannya. Oleh itu, bagi pihak yang setaraf dari segi agamanya, keutamaan diberikan kepada orang yang lebih adil berbanding orang fasik, dan keutamaan juga diberikan kepada orang yang berharta berbanding orang miskin.³¹

Bagi mazhab Shāfi‘ī, jika dua pihak yang bertikai itu kedua-duanya beragama Islam, setara dari segi status merdeka dan amanah, penentuan kepada siapa pihak yang mendapat *al-laqit* diputuskan selepas dilakukan undian. Pihak yang mendapat undian berhak menjaganya.³²

²⁸ Al-Ṣāliḥ, *al-Ṭifl fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 115.

²⁹ Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb Al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 9 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1994), 472.

³⁰ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 425.

³¹ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 425.

³² Al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 9, 476.

Bagi pertikaian yang melibatkan dua pihak yang seorang darinya bermukim di tempat anak dijumpai, dan seorang lagi berasal dari luar mukim, diutamakan kepada pihak yang bermukim. Ini adalah lebih baik bagi anak berkenaan kerana jika dia kekal di bawah pemeliharaan pihak yang bermukim di tempat *al-laqīṭ* dijumpai, kemungkinan anak itu dapat mengenalpasti asal keturunannya adalah lebih besar berbanding jika dia tinggal dan dibesarkan di kawasan lain, jauh dari tempat dia dijumpai.³³

Di Malaysia, keutamaan *ḥaḍānah* dan penjagaan diri kanak-kanak tidak semestinya diserahkan kepada *al-multaqīṭ*, atau pihak yang menjumpainya. Keputusan penyerahan kepada mana-mana pihak sama ada kepada ibu bapa pelindung atau ibu bapa angkat akan ditentukan oleh mahkamah bagi kanak-kanak yang mempertimbangkan keputusan berdasarkan prinsip kebajikan kanak-kanak. Namun, peruntukan khusus jagaan fizikal kanak-kanak dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 sama ada melibatkan kanak-kanak yang beragama Islam atau bukan beragama Islam.

Penjaga bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, adalah mana-mana orang yang, pada pendapat mahkamah bagi kanak-kanak yang mengambil perhatian tentang apa-apa kes yang berhubungan dengan kanak-kanak itu atau yang melibatkan kanak-kanak itu, sedang mempunyai penjagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu.³⁴

Peruntukan undang-undang melibatkan hak *ḥaḍānah* dan penjagaan diri kanak-kanak yang beragama Islam terkandung di dalam akta dan enakmen atau ordinan undang-undang keluarga Islam di setiap negeri. Bagi Wilayah Persekutuan, bidang kuasa mengenai *ḥaḍānah* dan penjagaan diri ini termaktub di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Bagi negeri-negeri lain, bidang kuasa yang seumpama mengenai *ḥaḍānah* dan penjagaan diri ini juga terdapat dalam enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing.

Tiada peruntukan khusus dalam Akta 303 mengenai *ḥaḍānah* dan penjagaan diri *al-laqīṭ*. Begitu juga tiada peruntukan mengenai kedudukan *ḥaḍānah* bagi *al-laqīṭ* yang menjadi anak angkat kepada mana-mana pasangan yang beragama Islam. Namun, dari segi amalannya apabila ibu bapa angkat bercerai, dan kedua-duanya masing-masing menuntut hak jagaan anak angkat, lazimnya anak diserahkan kepada ibu angkat jika dia berkelayakan untuk menjadi *ḥāḍīnah* (pengasuh). Contohnya dalam kes *Rosnah lwn Ibrahim*,³⁵

³³ Al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 9, 477.

³⁴ Akta Kanak-Kanak 2001, s. 2.

³⁵ *Rosnah lwn Ibrahim* (1979) 2 JH 261.

selepas berlakunya perceraian antara ibu dan bapa angkat, pihak mahkamah telah menyerahkan hak *ḥadānah* anak angkat kepada ibu angkatnya. Ini menunjukkan prinsip keutamaan *ḥadānah* kepada pihak perempuan berbanding lelaki turut digunakan dalam perebutan hak *ḥadānah* anak angkat sebagaimana juga terpakai ke atas kes yang melibatkan anak kandung.

HAK AL-LAQĪT TERHADAP NAFKAH

Al-Laqīt berhak mendapat nafkah yang merangkumi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta lain-lain yang munasabah seperti rawatan perubatan.³⁶ Dari segi nafkah, kedudukannya terbahagi kepada dua keadaan:

Pertama, jika *al-laqīt* mempunyai harta, iaitu harta yang didapati di sisinya ketika dijumpai, orang yang menjumpai (*al-multaqīt*) yang mendapat hak memeliharanya dibenarkan untuk menggunakan harta tersebut bagi kegunaan *al-laqīt*, dan dia tidak berhak untuk mendapat nafkah dari baitulmal. Sekiranya *al-multaqīt*, tanpa keizinan pihak pemerintah mengeluarkan perbelanjaan dari hartanya sendiri bagi menyara keperluan hidup *al-laqīt*, dan tidak mengambil harta dari kanak-kanak berkenaan, tindakannya tersebut dianggap sebagai derma, dan *al-multaqīt* tidak boleh menuntut jumlah yang dibelanjakan dari *al-laqīt* apabila dia mencapai umur baligh. Sebaliknya, jika dia meminta izin dari pihak pemerintah sebelum berbuat demikian, dan diizinkan, *al-multaqīt* boleh meminta balik ganti jumlah yang dibelanjakan dari *al-laqīt* apabila dia baligh.³⁷ Pada asasnya *al-multaqīt* tidak wajib mengeluarkan hartanya sendiri bagi menyara nafkah hidup *al-laqīt*, kerana kewajipan nafkah adalah disebabkan *qarābah* (hubungan kekeluargaan), perkahwinan, pemilikan dan perwalian, sedangkan *iltiqāt* (memungut kanak-kanak) bukan alasan kepada kewajipan nafkah.

Walau bagaimanapun, ulama berpendapat *al-multaqīt* digalakkan untuk mengeluarkan nafkah dari hartanya sendiri bagi menyara *al-laqīt* selepas mendapat keizinan hakim, walaupun *al-laqīt* mempunyai harta.³⁸ Ini adalah kerana hal yang demikian itu dapat mengelakkan tohmahan dan sangkaan buruk orang lain terhadapnya.³⁹ Begitu juga pandangan dalam mazhab Shāfi‘ī yang menyatakan perbelanjaan nafkah *al-laqīt* yang diambil dari harta *al-multaqīt* sendiri adalah lebih baik walaupun *al-laqīt* mempunyai harta.⁴⁰

³⁶ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 424.

³⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4852.

³⁸ al-Māwardī, *Al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 9, 473.

³⁹ Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā’*, vol. 4, 225.

⁴⁰ Al-Māwardī, *Al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 9, 469.

Kedua, jika *al-laqīṭ* tidak mempunyai harta, maka kewajipan nafkah tertanggung ke atas baitulmal kerana baitulmal adalah institusi yang berperanan memenuhi keperluan umat Islam.⁴¹ Dalam hal ini, *al-multaqīṭ* tidak diwajibkan menyara nafkah *al-laqīṭ* sebagaimana wajibnya bapa menanggung nafkah anak kandungnya sendiri. Ini kerana asas kewajipan nafkah adalah disebabkan faktor wujudnya hubungan kekerabatan, perkahwinan, pemilikan (hamba) dan *walā'*, sedangkan asas ini tiada dalam hubungan antara *al-laqīṭ* dan *al-multaqīṭ*. Dalam hal ini baitulmal yang perlu menyara nafkah *al-laqīṭ*.⁴² Asas kewajipannya adalah disebabkan wujudnya keadaan yang *darūrah* bagi melindungi nyawa anak berkenaan.⁴³ Hal ini juga kerana baitulmal mewarisi harta orang yang tidak mempunyai keluarga (waris), dan *al-laqīṭ* adalah termasuk dalam kategori tersebut. Oleh itu, harta baitulmal sewajarnya digunakan bagi menyara kehidupan golongan tersebut.⁴⁴

Sekiranya, disebabkan hal-hal yang tidak dapat dielakkan, baitulmal tidak dapat menanggung nafkah *al-laqīṭ* sama ada disebabkan baitulmal tiada wang, atau tiada baitulmal atau disebabkan peristiwa tersebut berlaku di kawasan yang tiada kawalan pemerintah, maka kewajipan tersebut perlu dilaksanakan oleh masyarakat Islam yang mengetahui tentang perkara tersebut atas pertimbangan prinsip saling tolong menolong atas kebaikan dan ketakwaan serta bagi mengelakkan berlakunya kematian.⁴⁵ Orang yang membelanjakan hartanya ke atas *al-laqīṭ* tidak boleh meminta gantian di atas apa yang telah dibelanjakan kerana hukum menanggung nafkah anak berkenaan dalam situasi yang dinyatakan adalah fardu kifayah.⁴⁶ Dalam hal ini, sekiranya ada pihak yang menanggung nafkah hidup *al-laqīṭ*, maka gugur dosa dari semua umat Islam. Sebaliknya, jika tiada seorang pun yang menanggung nafkah *al-laqīṭ*, semua umat Islam menanggung dosa.⁴⁷

Sekiranya terdapat pihak yang sukarela sudi menanggung nafkah *al-laqīṭ*, contohnya disebabkan baitulmal tidak mempunyai wang, sama ada pihak tersebut adalah *al-multaqīṭ* atau selainnya, dia tidak boleh meminta balik apa

⁴¹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4852; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 71.

⁴² Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 71 ; Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūṭī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4, 223.

⁴³ Al-Māwardī, *Al-Hāwī al-Kabūr*, vol. 9, 475.

⁴⁴ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 71.

⁴⁵ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 72 ; Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūṭī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4, 224.

⁴⁶ Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūṭī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4, 224.

⁴⁷ Al-Ṣāliḥ, *al-Ṭifl fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, 116.

yang dibelanjakan. Namun, sekiranya orang yang mengeluarkan belanja itu memang berniat dari awal lagi akan meminta ganti balik apa yang dibelanjakan dan hal ini telah diberi keizinan dari pemerintah, jumlah perbelanjaan tersebut akan dipulangkan semula oleh baitulmal apabila institusi tersebut mempunyai dana yang mencukupi.⁴⁸

Kedudukan baitulmal yang dinyatakan dalam kitab-kitab *fiqh turāth* adalah tidak sama dengan baitulmal di Malaysia hari ini. Baitulmal dalam kitab *fiqh* merujuk kepada perbendaharaan negara. Manakala, dalam konteks Malaysia, baitulmal adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri dengan sumber-sumber yang terhad dan ruang perbelanjaan yang juga terhad membabitkan urusan hal ehwal orang Islam di dalam negeri berkenaan.⁴⁹

Perbelanjaan yang dikeluarkan bagi menyara kehidupan *al-laqīf* adalah bergantung kepada di mana dia ditempatkan. Jika dia diserahkan kepada ibu bapa angkat, maka tanggungjawab menyara nafkah *al-laqīf* adalah tertanggung di atas ibu bapa angkatnya. Akta 303, s.78 memperuntukkan bahawa apabila seseorang lelaki telah menerima kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai ahli keluarganya, maka dia bertanggungjawab menanggung nafkah kanak-kanak itu. Kewajipan ini hanya terhenti apabila kanak-kanak itu dibawa balik oleh ibu bapa kandungnya. Jika hal ini berlaku, bapa angkat tersebut boleh menuntut jumlah yang telah dibelanjakan bagi menanggung nafkah kanak-kanak itu dari bapa atau ibu kanak-kanak itu.⁵⁰ Tempoh tanggungan nafkah dari keluarga angkat bagi menyara kehidupan anak angkat secara umumnya tamat apabila anak tersebut mencapai usia lapan belas tahun, tetapi tempoh tersebut boleh dilanjutkan sehingga tempoh yang difikirkan munasabah bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.⁵¹

Peruntukan yang terkandung di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 adalah seumpama juga yang diperuntukkan bagi nafkah anak angkat di bawah undang-undang sivil yang membabitkan pihak-pihak yang bukan beragama Islam. Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, s.99(1) memperuntukkan bahawa seseorang lelaki yang telah menerima seseorang anak yang bukan anaknya sebagai ahli keluarganya, dia perlu menyara nafkah anak berkenaan

⁴⁸ Al-Ṣāliḥ, *al-Ṭīf fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, 117; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 72.

⁴⁹ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, s. 60.

⁵⁰ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, s. 78.

⁵¹ Akta 303, s. 79.

jika dia masih dalam peringkat umur kanak-kanak setakat mana bapa dan ibu anak itu gagal berbuat demikian. Tanggungjawab nafkah berkenaan terhenti jika anak itu dibawa pergi oleh bapa atau ibunya, dan jika hal tersebut terjadi lelaki tersebut boleh menuntut jumlah yang telah dibelanjakan terhadap anak berkenaan dari bapa atau ibu anak berkenaan sebagai suatu hutang.

Penelitian terhadap keputusan kes membabitkan tuntutan nafkah bagi anak angkat menunjukkan terdapat dua kecenderungan yang berbeza. Dalam kes *Rokian lwn Mohamed Idris*,⁵² iaitu kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kadi Besar Haji Yahya bin Darus (pada masa itu) memutuskan bahawa bapa angkat tidak perlu menanggung nafkah anak angkatnya yang pada ketika itu berusia 14 tahun 6 bulan. Kadi Besar menegur tentang perbuatan ibu bapa angkat yang mem'bin'kan anak berkenaan kepada nama bapa angkat sebagai suatu perbuatan yang menyalahi hukum Syarak, dan menegaskan bahawa walaupun anak angkat berkenaan dinisbahkan namanya kepada nama bapa angkat, namun hakikat bahawa dia adalah anak angkat kekal. Diputuskan bapa angkat tidak wajib menanggung nafkah anak angkat.

Namun, dalam satu kes lain, iaitu kes *Rosnah lwn Ibrahim* yang dibicarakan di Pulau Pinang, pendekatan yang berbeza digunakan oleh Kadi Besar Pulau Pinang iaitu Hj. Harussani bin Hj Zakaria (pada masa itu) yang memerintahkan bahawa bapa angkat perlu menanggung nafkah anak angkat selepas perceraian ibu bapa angkatnya. Hal ini kerana pengangkatan anak berkenaan ketika umurnya satu hari adalah hasil persetujuan ibu bapa angkat berkenaan.⁵³

Jika kanak-kanak berkenaan tidak diserahkan kepada bapa atau ibu angkat, dan dia ditempatkan di rumah perlindungan kanak-kanak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, maka perbelanjaan keperluan hidup mereka diberikan oleh pihak kerajaan yang disalurkan melalui Jabatan berkenaan yang dilantik sebagai Pelindung (*Protector*) bagi menjaga kebajikan kanak-kanak tersebut.⁵⁴

HAK AL-LAQĪṬ TERHADAP IDENTITI DIRI

Hak *al-laqīṭ* terhadap identiti diri yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah tentang status dirinya dari segi kemerdekaan, agama dan nasab mengikut undang-undang Islam. Dari segi pelaksanaannya di Malaysia,

⁵² *Rokian lwn Mohamed Idris* (1986) JH 6 (2) 272.

⁵³ *Rosnah lwn Ibrahim* (1979) JH 2 (1) 93.

⁵⁴ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 60.

identiti diri ini dapat dikaitkan dengan isu penamaan, pendaftaran kelahiran dan kewarganegaraan. Undang-undang hari ini melindungi hak manusia terhadap identiti diri, iaitu hak seseorang terhadap nama, asal keturunan dan kewarganegaraan tanpa mengira status seseorang itu sama ada anak sah taraf, anak tak sah taraf atau anak yang terbuang.

Dalam Islam, ulama sepakat mengatakan bahawa status *al-laqīṭ* adalah merdeka, kerana status asal manusia adalah merdeka, dan perhambaan adalah sesuatu yang bertentangan dengan kejadian asal manusia.⁵⁵ Apabila wujud keraguan sama ada anak tersebut hamba atau merdeka, maka perlu dirujuk kepada hukum asal, iaitu seseorang itu asalnya adalah merdeka.⁵⁶ Bagi memastikan status kemerdekaan ini kekal serta hakikat ketidakpastian nasab *al-laqīṭ*, penemuan *al-laqīṭ* wajib dipersaksikan mengikut pandangan mazhab Shāfi‘ī.⁵⁷ Namun, perbincangan mengenai perhambaan ini tidak lagi relevan pada masa kini kerana institusi berkenaan sudah tidak dipraktikkan lagi.

Identiti diri bagi *al-laqīṭ* juga melibatkan ketentuan agama. Wahbah al-Zuhaylī, selepas membincangkan pandangan ulama tentang hal ini mengkategorikan pendapat ini kepada tiga kategori. Pertama, asas pertimbangan berdasarkan tempat atau negeri (*al-makān*) di mana *al-laqīṭ* ditemukan. Kedua, asas pertimbangan berdasarkan kepada orang yang menjumpai (*al-multaqīṭ*). Ketiga, pertimbangan yang diasaskan kepada tempat atau negeri di mana *al-laqīṭ* dijumpai atau orang yang menemukan. Ulama Ḥanafiyah berpendapat, pendapat ketiga ini adalah pendapat yang lebih sah.⁵⁸

Bagi golongan yang berpegang kepada pertimbangan tempat atau negara di mana *al-laqīṭ* dijumpai, secara umumnya mengatakan *al-laqīṭ* dianggap sebagai beragama Islam jika ditemui di negara Islam tanpa mengambil kira sama ada jumlah penduduk Islam adalah majoriti atau sekiranya jumlah antara penduduk beragama Islam dan bukan beragama Islam hampir sama. Alasannya ialah agama *al-laqīṭ* adalah mengikut agama masyarakat Islam dalam negara tersebut walaupun di dalamnya masih terdapat masyarakat bukan Islam.⁵⁹ Ini

⁵⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4853; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 423.

⁵⁶ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8, 68-69; Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā’*, vol. 4, 223.

⁵⁷ Sulayman bin Muḥammad bin ‘Umar al-Bujayrimī, *Ḥashiyah al-Bujayrimī ‘alā Sharḥ Minhāj al-Ṭullab*, vol. 3, 257.

⁵⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4853.

⁵⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 454; Sulayman bin Muḥammad bin ‘Umar al-Bujayrimī, *Ḥashiyah al-Bujayrimī ‘alā Sharḥ Minhāj al-Ṭullab*, vol. 3, 261.

disebabkan negara berkenaan dianggap sebagai dikawal oleh orang Islam, dan juga berasaskan kepada prinsip “Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih darinya.”⁶⁰

Wahbah al-Zuhaylī juga mempunyai pandangan yang sama, namun beliau berpendapat jika anak berkenaan dijumpai sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam di tempat ibadat orang bukan Islam, seperti gereja (bagi agama Kristian) atau sinagog atau kanisah (agama Yahudi) atau dijumpai di penempatan orang bukan Islam dan tiada orang Islam dalam kawasan tersebut, anak yang dipungut dianggap sebagai kafir *dhimmī*. Anggapan ini diasaskan kepada, bahawa orang Islam tidak akan meninggalkan anaknya di tempat ibadat orang bukan Islam, dan begitu juga sebaliknya.⁶¹

Al-Bahūfī berpendapat *al-laqīṭ* dianggap sebagai bukan beragama Islam jika dijumpai atau dipungut di negara kafir *ḥarbī* yang tidak terdapat orang Islam di dalam negara tersebut. Jika pun ada orang Islam di dalam negara tersebut, tetapi sebagai tahanan atau peniaga contohnya, *al-laqīṭ* tersebut dianggap bukan beragama Islam kerana negara tersebut adalah negara mereka. Walaupun ada sebilangan orang Islam di dalam negara tersebut tetapi sedikit sehaja bilangannya, maka *al-laqīṭ* dihukumkan sebagai bukan beragama Islam kerana negara itu bukan negara Islam.⁶² Walau bagaimanapun, terdapat ulama dari mazhab Shāfi‘ī contohnya yang mengatakan anak yang dijumpai di dalam situasi tersebut adalah beragama Islam, walaupun bilangan orang Islam di dalam negara itu adalah sedikit, contohnya seperti menjadi tawanan atau peniaga di situ. Hujahnya ialah bahawa Islam itu unggul dan tiada agama lain yang boleh mengatasainya.⁶³

Pendapat di atas adalah melihat kepada lokasi atau tempat di mana anak dijumpai sebagai pertimbangan status agama *al-laqīṭ*. Namun begitu, terdapat pandangan kedua yang menyatakan asas pertimbangan agama *al-laqīṭ* adalah melihat kepada agama *al-multaqīṭ*, tanpa mengambil kira tempat di mana anak itu dijumpai. Maksudnya, apabila *al-multaqīṭ* beragama Islam, maka *al-laqīṭ* juga dihukumkan sebagai Islam, dan begitu juga sebaliknya jika *al-multaqīṭ* bukan beragama Islam, maka *al-laqīṭ* dianggap sebagai bukan beragama Islam. Asas pertimbangan ialah penjagaan (*al-yad/al-ḥiyāzah*) adalah lebih

⁶⁰ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, vol. 5, 454; Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā’*, vol. 4, 223.

⁶¹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4853.

⁶² Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā’*, vol. 4, 223.

⁶³ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4854; Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūfī, *Kashf al-Qinā’*, vol. 4, 223.

kuat berbanding tempat (*al-makān*). Ini dapat dilihat di mana keutamaan status seseorang anak itu adalah mengikut status ibu bapanya, berbanding status negara.⁶⁴

Pandangan ketiga adalah dengan cara menggabungkan antara status agama *al-multaqīṭ*, atau status agama berdasarkan tempat atau negara. Pandangan ini mengikut ulama Ḥanafiyah adalah pandangan yang paling *rājih*. Oleh sebab itu, al-Kasānī, ulama mazhab Ḥanafī berpendapat, jika *al-laqīṭ* dijumpai oleh orang Islam di tempat atau negara Islam, maka agamanya adalah Islam, iaitu mengikut keadaan tempat berkenaan. Begitu juga, sekiranya dijumpai oleh *dhimmi* di negara Islam, agama *al-laqīṭ* adalah Islam. Jika dijumpai di tempat ibadat orang bukan Islam, *al-laqīṭ* dianggap sebagai bukan beragama Islam sama ada orang yang menjumpainya itu adalah orang Islam atau *dhimmi*.⁶⁵ Ini kerana lazimnya orang Islam tidak meninggalkan anaknya di tempat ibadat orang bukan Islam, dan begitu juga orang bukan Islam lazimnya tidak meninggalkan anak mereka di masjid.⁶⁶

Bersesuaian dengan kedudukan Malaysia yang meletakkan agama Islam sebagai agama Persekutuan,⁶⁷ fatwa mengenai agama anak pungut yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 22 April 1999 memutuskan bahawa anak pungut atau anak yang dijumpai dikategorikan sebagai anak jagaan negara dan secara automatik dianggap beragama Islam. Walau bagaimanapun, dari segi amalannya, kanak-kanak yang dijumpai di Malaysia tidak secara automatik dianggap beragama Islam, dan tidak dianggap sebagai warganegara Malaysia. Walaupun begitu, fatwa yang dikeluarkan hanya tinggal sebagai pendapat semata-mata jika tidak diwartakan dan diperundang-undangkan. Ini kerana sehingga ke hari ini, tiada peruntukan khusus yang dinyatakan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam di dalam mana-mana negeri atau mana-mana statut dalam Malaysia yang secara jelas memperuntukkan bahawa agama bagi kanak-kanak yang dijumpai adalah agama Islam.

Namun begitu, dari segi amalannya pertimbangan mengenai kemungkinan agama anak-anak yang dijumpai dilakukan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan melihat ciri-ciri fizikal kanak-kanak berkenaan, tempat atau negeri di mana dia dijumpai. Kanak-kanak dianggap beragama Islam berasaskan kepada ciri-ciri paras rupa atau tempat di mana dia dijumpai.

⁶⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4853.

⁶⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4853-4854.

⁶⁶ Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūṭ*, vol. 10 (al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1324H), 215.

⁶⁷ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3.

Begitu juga, agama kanak-kanak berkenaan ditentukan oleh ibu bapa angkat yang membesarkannya.⁶⁸

Berkait dengan identiti diri juga adalah status nasab *al-laqa'it*. Oleh kerana *al-laqa'it* tidak dapat dipastikan asal keturunannya, dan sama ada dia adalah anak sah taraf ataupun tidak, mereka tidak dapat dinasabkan kepada mana-mana pihak. Implikasinya mengikut perundangan di Malaysia, *al-laqa'it* tidak dapat didaftarkan dalam sijil kelahiran sebagai anak seseorang, dan tidak boleh di'bin' atau di'binti'kan kepada mana-mana pihak. Hal ini, kesannya sama sebagaimana anak tak sah taraf yang tidak dapat dinasabkan kepada bapa kandung. Walaupun, anak tak sah taraf masih boleh dikaitkan nasabnya kepada ibu serta keluarga sebelah ibu.

Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini, bahawa *al-laqa'it* dan anak tak sah taraf adalah tidak sama. *al-laqa'it* dilihat seperti anak tak sah taraf kerana anak berkenaan tidak diketahui asal usulnya. Anak tak sah taraf dari segi keturunan dapat disabitkan hanya melalui ibu sahaja, dan tidak kepada bapa biologi serta keluarganya. Manakala *al-laqa'it*, kemungkinan dilahirkan di dalam ikatan perkahwinan yang sah, dan mungkin juga dilahirkan oleh pasangan yang tidak berkahwin. Namun, anak berkenaan walau apa hakikat status kesaharafannya hanya dianggap sebagai anak yang termasuk dalam kategori *al-laqa'it*, iaitu anak yang tidak diketahui asal usulnya, dan tidak dapat dinasabkan kepada mana-mana orang. Walaupun, *al-laqa'it* diambil menjadi anak angkat kepada seseorang, namun sabitan nasab tidak boleh dilakukan antara *al-laqa'it* dengan bapa angkat kerana larangan ini jelas dinyatakan dalam al-Quran:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ
فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوْلَاكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ
بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

“Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber“bin”kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai “maula-maula” kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

⁶⁸ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 70.

(Surah al-Aḥzāb, 33: 5)

Namun, ruang pengiktirafan kesahatarafan bagi *al-laqīṭ* masih ada melalui kaedah *al-istilhāq* atau *igrār bi al-nasab*, iaitu pengakuan nasab oleh seseorang lelaki bahawa anak berkenaan adalah anaknya yang sah taraf. Dakwaan berkenaan boleh diterima dan *al-laqīṭ* berkenaan boleh dinasabkan kepada orang yang mendakwa *al-laqīṭ* itu sebagai anaknya, tanpa perlu kepada *bayyinah* (keterangan). Keringanan ruang sabitan dakwaan nasab *al-laqīṭ* melalui kaedah *al-istilhāq* ini adalah sebagai satu bentuk *istiḥsān*, iaitu sesuatu yang dilihat dapat memberikan manfaat kepada *al-laqīṭ*.⁶⁹ Maksudnya di sini ialah, tiada asas yang dapat dipegang bahawa dakwaan berkenaan adalah benar atau palsu. Namun, faedah yang besar kepada *al-laqīṭ* ialah dia dapat dihubungkan nasabnya kepada seseorang. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama diingatkan kesan dosa disebabkan oleh dakwaan atau pengakuan palsu hubungan anak-bapa berdasarkan kepada hadis:

من ادعى ليا غير أبيه ، وهو يعلم أنه غير أبيه فالجنة حرام عليه

“Jika seseorang mendakwa seseorang sebagai bapanya dalam keadaan dia mengetahui hakikat bahawa dia sebenarnya bukan bapa, syurga diharamkan baginya.”⁷⁰

Kesan dari *al-istilhāq*, *al-laqīṭ* berkenaan dianggap sebagai anak kandung kepada lelaki berkenaan dan berhak terhadap hak-haknya sebagai anak kandung seperti nafkah, perwalian, pewarisan dan sebagainya.

Kepentingan nasab kepada *al-laqīṭ* ini dapat dilihat yang mana walaupun lelaki yang mendakwa sebagai bapa kandung kepada *al-laqīṭ* adalah kafir *dhimmi*, dakwaannya tetap diterima dan *al-laqīṭ* dinasabkan kepada lelaki berkenaan. Namun begitu, agama *al-laqīṭ* tetap sebagai beragama Islam kerana dakwaan nasab diterima kerana hal itu mendatangkan manfaat kepada *al-laqīṭ*, dan tidak diterima apa-apa perkara yang memudaratkan *al-laqīṭ*. Oleh itu, *al-laqīṭ* dianggap kekal beragama Islam. Tidak semestinya pengiktirafan sebagai anak kandung kepada seorang kafir *dhimmi* menjadikan *al-laqīṭ* juga sebagai kafir *dhimmi*. Contohnya jika ibu bapa kafir *dhimmi*, dan ibu memeluk agama Islam, anak juga dianggap sebagai beragama Islam kerana itu adalah lebih baik bagi anak berkenaan.⁷¹ Oleh itu, jika bapa yang bukan beragama Islam itu yang menjaganya (mendapat *ḥadānah* dan *kafālah*), anak berkenaan perlu

⁶⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4854.

⁷⁰ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Mukhtaṣṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Dimashq, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1999), 1079.

⁷¹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4854; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 427.

ditarik dari jagaannya apabila dia hampir menjangkau usia apabila dia dapat berfikir mengenai agama.⁷²

Jika terdapat dua orang, seorang beragama Islam dan seorang lagi kafir *dhimmī* yang masing-masing mendakwa *al-laqit* adalah anak mereka dan kedua-dua mereka tidak dapat mengemukakan bukti, dakwaan pihak yang beragama Islam yang akan diterima, dan anak berkenaan boleh dinasabkan kepadanya. Alasan hukum ini adalah, sabitan nasab dengan pihak yang beragama Islam lebih mendatangkan manfaat kepada anak berkenaan.⁷³

Sekiranya terdapat dua dakwaan dari dua orang yang beragama Islam bahawa anak berkenaan adalah anak mereka, dan jika salah seorang dari mereka menyatakan adanya tanda-tanda tertentu di atas badan anak berkenaan, maka dia adalah lebih berhak ke atas anak tersebut.⁷⁴

Sekiranya, kedua-duanya tiada kelebihan dalam pendakwaan, kebanyakan fuqaha berpendapat hal ini perlu dirujuk kepada pendapat pihak yang pakar (*al-qafah*). Ini berasaskan kepada hadis Nabi yang menerima pembuktian nasab melalui keterangan *al-qafah*. ‘Ā’ishah RA meriwayatkan bahawa pada suatu hari Rasulullah SAW datang berjumpanya dalam keadaan gembira, dan bersabda:

ألم ترى أن مجززا المدلجى نظر أنفا الى زيد بن حارثة وأسامة غطيا رءوسهما
وبدت أقدامهما ، فقال إن هذه الأقدام بعضها من بعض

“*Tidakkah kamu melihat Mujazziz dari kaum Mudlij? Dia telah melihat tapak kaki Zaid dan Usamah dan mengatakan: Tapak-tapak kaki ini menyamai antara satu sama lain.*”⁷⁵

Dalil hadis ini menunjukkan sabitan nasab boleh diterima melalui keterangan *al-qafah* dan ini boleh dikiaskan kepada penggunaan mana-mana pakar yang boleh memberi keterangan mengenai hubungan nasab, contohnya di antara anak dan bapa. Oleh itu, jika terdapat lebih dari seorang lelaki mendakwa diri sebagai bapa kepada *al-laqit*, maka perlu dirujuk kepada pakar. Dalam konteks hari ini, keterangan DNA yang dilakukan secara saintifik boleh dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara lelaki-lelaki berkenaan dengan *al-laqit*.

Ulama mazhab Shāfi‘ī pula mengatakan, apabila dua orang wanita yang mendakwa tersebut tidak dapat mengemukakan bukti, *al-laqit* itu perlu dibawa

⁷² Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 6, 427.

⁷³ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4855.

⁷⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4855.

⁷⁵ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Kahlānī, *Subul al-Salām*. vol. 4 (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1960) 137.

berjumpa dengan *al-qāif*, iaitu pakar yang boleh melihat keserupaan antara mereka yang mempunyai pertalian darah, dan anak berkenaan dikaitkan nasabnya dengan pihak yang ditentukan oleh *al-qāif* sebagai ibunya, dan anak tersebut dinasabkan kepada suaminya dan ketetapan nasab ini tidak boleh dinafikan melainkan dengan cara *li'an*.⁷⁶

Wahbah al-Zuhaylī berpendapat, sekiranya seorang wanita mendakwa bahawa *al-laqīṭ* adalah anaknya, dan dia tidak mempunyai suami, dakwaan tersebut tidak boleh mensabitkan hubungan nasab antara keduanya. Jika wanita itu mempunyai suami, dan suaminya itu menyokong kenyataannya, atau jika wanita itu menggunakan kesaksian bidan, atau dakwaannya itu diakui oleh dua orang saksi, *al-laqīṭ* tersebut boleh dinasabkan kepadanya.⁷⁷

Manakala, Abū Ḥanīfah pula menyatakan, jika pertelingkahan dakwaan nasab berlaku antara dua orang wanita, pihak yang berjaya mengemukakan bukti adalah lebih utama terhadap sabitan nasab. Jika kedua-duanya berjaya membuktikan bahawa anak berkenaan anak masing-masing, *al-laqīṭ* dinasabkan kepada kedua-duanya sekali.⁷⁸

Mengikut kaedah *al-istilhāq* ini, asalkan dakwaan berkenaan adalah logik dan sesuai dengan keadaan, hal ini dianggap sebagai boleh diterima mengikut pandangan ulama silam. Namun, realitinya, hari ini terdapat kaedah lain yang lebih konklusif bagi membuktikan wujudnya hubungan nasab antara *al-laqīṭ* dengan ibu atau bapanya, iaitu melalui ujian DNA. Pada pandangan penulis, jika dapat dibuktikan hubungan anak-bapa secara saintifik iaitu melalui ujian DNA, dan dapat pula dikemukakan bukti kelahirannya dalam tempoh perkahwinan yang sah, tiada sebab untuk anak berkenaan tidak boleh dinasabkan kepada lelaki tersebut.

Undang-undang Malaysia mewajibkan setiap kanak-kanak yang dilahirkan dalam negara Malaysia didaftarkan, sama ada kanak-kanak berkenaan adalah anak sah taraf atau anak tak sah taraf atau anak yang tidak diketahui statusnya seperti kanak-kanak yang dijumpai. Bagi kes melibatkan kanak-kanak yang dijumpai, Pendaftar akan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak berkenaan di pejabat pendaftaran di kawasan di mana dia dijumpai, atas anggapan bahawa kawasan di mana dia dijumpai adalah kawasan di mana dia dilahirkan, jika tempat sebenar kelahirannya tidak diketahui. Tarikh kelahiran yang didaftarkan bagi kanak-kanak yang dijumpai adalah tarikh dia dijumpai. Pendaftaran perlu dilakukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kanak-kanak berkenaan

⁷⁶ Al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 9, 501.

⁷⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4855-4856.

⁷⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6, 4856.

dijumpai.⁷⁹ Bagi kanak-kanak yang dijumpai ini, nama yang dicatatkan di atas sijil kelahiran adalah namanya sahaja, dan tiada nama keluarga atau nama bapa (*surname*). Begitu juga, walaupun wujudnya anggapan undang-undang bahawa kawasan di mana dia dijumpai adalah kawasan di mana dia dilahirkan, namun catatan perincian di bahagian kawasan/tempat dilahirkan dibiarkan kosong tidak diisi.⁸⁰

Kanak-kanak yang dijumpai tidak mendapat status warganegara Malaysia secara automatik walaupun dia dijumpai di dalam negara Malaysia. Ini kerana terdapat kemungkinan bahawa kanak-kanak berkenaan dilahirkan oleh ibu bapa bukan warganegara Malaysia. Dokumentasi awal dalam bentuk sijil kelahiran ini penting sebagai bukti dokumentasi identiti kanak-kanak berkenaan dan juga diperlukan bagi proses permohonan mendapatkan kewarganegaraan serta proses pengangkatan anak kemudian hari.⁸¹ Bagi mendapatkan status warganegara Malaysia, permohonan berkenaan akan dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia atau oleh ibu bapa angkatnya atau juga boleh dilakukan oleh dirinya sendiri.⁸² Walaupun, tempat lahir anak yang dijumpai adalah tidak pasti, dan ibu bapa juga tidak pasti sama ada mereka warganegara Malaysia atau tidak, namun ruang bagi mendapatkan warganegara bagi anak-anak yang baru dilahirkan yang dijumpai ini masih boleh dilakukan kerana Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bagi maksud ini, tempat di mana anak berkenaan dijumpai dianggapkan sebagai tempat dia dilahirkan, dan dianggapkan dia dilahirkan oleh ibu yang bermastautin tetap di kawasan berkenaan serta tarikh dia dijumpai dianggapkan sebagai tarikh kelahirannya.⁸³ Oleh itu, bayi yang baru dilahirkan boleh mendapatkan kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang berdasarkan tempat di mana dia dijumpai melainkan dapat dibuktikan bahawa dia tidak dilahirkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, jika kanak-kanak yang dijumpai itu sudah agak besar, iaitu bukan bayi yang baru dilahirkan, dia akan dianggap sebagai tiada warganegara disebabkan ibu bapanya tidak diketahui. Namun, peluang bagi kanak-kanak ini mendapat warganegara masih terbuka jika dia diambil sebagai anak angkat oleh ibu bapa angkat warganegara Malaysia apabila mereka memohon bagi kanak-kanak berkenaan kewarganegaraan Malaysia.⁸⁴ Ini bermaksud, kanak-

⁷⁹ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 63.

⁸⁰ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 64.

⁸¹ Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 64.

⁸² Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia*, 66.

⁸³ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 19B Jadual Kedua, Bahagian III.

⁸⁴ Azizah Mohd, 'Abandoned Child's Right to Identity Protection in Malaysia,' *US - China Law Review* 8 (2011): 394.

kanak yang dijumpai yang bukan dalam kategori bayi yang baharu dilahirkan dan tidak diambil sebagai anak angkat oleh ibu bapa angkat warganegara Malaysia berhadapan dengan risiko “tidak bernegara” (*stateless*). Oleh kerana kanak-kanak itu tidak mempunyai status kewarganegaraan Malaysia, dia tidak dapat menikmati hak-hak sebagai warganegara sebagaimana yang diberikan kepada warganegara Malaysia di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti hak bersuara, hak mendapat pembiayaan pendidikan dan sebagainya.⁸⁵

KESIMPULAN

Prinsip menjaga kebajikan kanak-kanak yang dijumpai atau *al-laqiṭ* ini adalah asas dalam hukum Islam serta peruntukan undang-undang di Malaysia bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak ini. Berdasarkan undang-undang Islam dan undang-undang sivil, perlindungan awal terhadap kanak-kanak ini adalah terletak di dalam bidang tugas pemerintah. Di Malaysia, tanggung jawab memberi perlindungan kepada *al-laqiṭ* ini akan berpindah kepada ibu bapa angkat, atau jika *al-laqiṭ* tidak dipilih sebagai anak angkat oleh mana-mana pihak, maka pihak pemerintah melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia berterusan menyara dan memelihara kanak-kanak ini sehingga mereka mencapai usia boleh hidup berdikari. Ketetapan hukum mengenai status jagaan fizikal, nafkah, identiti diri seperti nasab, penamaan dan kewarganegaraan adalah bentuk-bentuk jaminan hak yang diberikan kepada *al-laqiṭ*. Namun begitu, terdapat beberapa isu *al-laqiṭ* di Malaysia yang perlu diberi perhatian contohnya seperti status agama Islam kepada *al-laqiṭ* yang dijumpai di negara majoriti penduduk beragama Islam. Tidak sebagaimana yang ditentukan dalam Islam, mereka tidak diberikan status sebagai beragama Islam secara automatik dan tidak dicatat status agama di dalam sijil kelahiran mereka. Begitu juga isu mengenai kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dijumpai yang bukan dalam kategori bayi yang baharu dilahirkan, akan berhadapan dengan risiko “tidak bernegara” dan tidak boleh menikmati keistimewaan sebagai warganegara Malaysia.

RUJUKAN

Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Mukhtaṣṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Dimashq, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1999).

Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb Al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 9 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1994).

⁸⁵ Azizah Mohd, ‘Abandoned Child’s Right to Identity Protection in Malaysia,’ 394.

- Abi Zakaria Al-Ansari, *Fath al-Wahhab Syarh Minhaj al-Tullab*, vol. 1, Terj. MA Zuhurul Fuqohak (Johor Bahru: Penerbit JAHABERSA, 2014).
- Azizah Mohd, 'Abandoned Child's Right to Identity Protection in Malaysia,' *US - China Law Review* 8 (2011): 389-400.
- Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia: A Comparative Overview with Islamic Law* (Batu Caves: International Law Book Services, 2009).
- Berhanuddin Abdullah, 'Pembuangan Bayi Penyebab Wujudnya Anak Pungut: Hukum dan Penyelesaiannya,' *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 4/1 (2014): 162-176.
- Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, vol. 8 (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2003).
- Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūṭī, *Kashf al-Qinā'*, vol. 4 (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1999).
- Mohd Alimin Alias, 'Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan (*al-Laḳīṭ*) Menurut Undang-undang Islam dan Masyarakat Islam di Malaysia' (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).
- Mohd Fuzi Harun & Roseli Ahmad, *Intisari Kanun Keseksaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).
- Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Mukhtār 'alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, vol. 6, Taḥqīq: 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maujūd & 'Alī Muḥammad Mī'awwad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).
- Muḥammad bin Aḥmad al-Ṣāliḥ, *al-Ṭīfl fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah* (al-Qāhirah: Maṭba'ah Nahḍah. 1990).
- Muḥammad bin Ismā'il al-Kahlānī. *Subul al-Salām*. vol. 4 (Mesir: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1960)
- Muwaffaq al-Dīn 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 8 (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004).
- Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūṭ*, vol. 10 (al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1324H).
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993).
- Sulayman bin Muḥammad bin 'Umar al-Bujayrimī, *Hashiyah al-Bujayrimī 'alā Sharḥ Minhāj al-Ṭullab*, vol. 3, taḥqīq: 'Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad 'Umar (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011).

Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 6 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1997).

Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh Imam Syafi'i*, vol. 2, terj. Muhammad Afifi, Abdul Hafiz, Arif Fahrudin & Solihin (Jakarta Timur: Penerbit Almahira, 2010).

Statut

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

Akta Membaharui Undangundang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).

Kanun Keseksaan.

Perlembagaan Persekutuan.

Kes

Rokian lwn Mohamed Idris (1986) JH 6 (2) 272.

Rosnah lwn Ibrahim (1979) JH 2 (1) 93.